

Undurkah Mahathir?

Dilemma
Dollah Badawi

16 MAY 2003

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01097825

JK
M
320.9595
MSO

MOHD SAYUTI OMAR

**UNDURKAH MAHATHIR?
DILEMA DOLLAH BADAWI**

Cetakan Pertama April 2003
Kod TMB/P 26/01(2003)

© **MOHD SAYUTI OMAR(MSO)**

Hakcipta terpelihara - mana-mana bahagian di dalam penerbitan ini tidak boleh dihasilkan semula, disimpan dalam sistem simpanan kekal atau dipinda dengan sebarang bentuk atau sebarang cara samada elektronik, sawatan, salinan foto, rakaman, skan dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada Penerbit/Penulis.

Penerbit:

TINTA MERAH

Wangsa Melawati
53300 Kuala Lumpur.
Tel: 03-41498799

Pencetak:

NOHAS CETAK SDN. BHD
Rawang Selangor, Malaysia.

ISBN: 983-9032-31-3

K a n d u n g a n

| | |
|---|-----|
| Muqadimah | i |
| 1. UNURKAH MAHATHIR? | 1 |
| 2. PAK LAH BEBAS ANWAR | 15 |
| 3. MUSTAHIL ANWAR BEBAS 14 APRIL | 29 |
| 4. UMNO PASCA ERA MAHATHIR | 43 |
| 5. MUNGKIN ANWAR SERTAI UMNO? | 59 |
| 6. BA SELEPAS KETIADAAN MAHATHIR | 69 |
| 7. DILEMA PAK LAH SATUKAN MELAYU | 83 |
| 8. PERCUTIAN MAHATHIR UJIAN BUAT PAK LAH | 91 |
| 9. KELANTAN DALAM GENGAMAN PAS | 107 |
| 10. MUSTAPA MOHAMED JADI MB KELANTAN | 123 |
| 11. BILA PILIHAN RAYA UMUM KE 11 | 139 |
| 12. MENGAPA LUTFI MENYALAK BUKIT? | 147 |
| 13. PENUTUP | 155 |

Muqadimah

BERSYUKUR saya ke hadrat Allah s.w.t. kerana taufik dan hidayah serta *sir* dan *tajalli*Nya dapat saya mempersembahkan buku ini kepada anda budiman. Tidak lupa juga terima kasih kepada Muhammad s.a.w. dimana dengan rahmat dan syafaat bagindalah memungkinkan kita mendapat petunjuk yang benar dan berada di atas dunia ini. *Allahumasalialasyaidina Muhammad walaalhi syaidina Muhammad.*

MENULIS dan menerbitkan buku politik sebenarnya bukan perkara mudah dan dilakukan secara isengan. Kerja ini menuntut beberapa sifat tertentu. Antara sifat yang perlu ada kepada seseorang penulis lebih-lebih lagi penulis buku politik selain modal, bakat; ketajaman membuat ulasan dan analisis, ia memerlukan keberanian sebagai sifat tunjang kepada seseorang penulis.

Kombinasi tiga perkara itu sangat penting dalam menentukan kejayaan seseorang yang ingin jadi penulis. Kenapa saya berkata begitu sebab kalau seseorang itu tidak

memiliki salah satu perkara itu belum tentu dia sempurna menjadi penulis.

Katakan seseorang itu mempunyai bakat serta keberanian dalam mendedahkan sesuatu isu atau skandal, tetapi jika dia tidak mempunyai modal mungkin impiannya tidak tercapai. Ini kerana tidak banyak pemerbit sanggup untuk menanggung risiko di atas penerbitan buku politik.

Pun begitu juga kalau seseorang itu ada modal, ada isu dan bakat tetapi tidak ada keberanian dia juga tidak akan muncul menjadi penulis politik yang kontroversi. Isu atau kritikan dalam buku politik haruslah realistik dan berani kerana ia tidak akan didedahkan oleh media massa arus perdana.

Maksud berani di sini bukan berani menunjuk-nunjuk tetapi berani yang sebenarnya. Berani membuat pendedahan fakta-fakta sah dan bersifat rahsia demi kepentingan awam. Dan juga berani termasuklah bersedia menanggung risiko zahir dan batin. Berani bertanggungjawab terhadap apa yang didedahkan dan berani pula untuk mengatakan yang *haq* meskipun disebabkan terpaksa menggadaikan maruah dan nyawa.

Profesion menulis buku politik berlainan dengan bidang kesasteraan atau kesenian. Subjek yang dibicarakan di dalam buku politik ialah mengenai manusia – tokoh politik itu sendiri. Makanya dalam pendedahan dan pembongkaran sesuatu isu itu tentulah akan timbul rasa tidak menyenangkan sesuatu pihak ataupun kumpulan.

Dalam setiap pendedahan secara realitifnya ia melibatkan dua puak, satu yang senang isu itu diketengahkan, kedua yang sebaliknya. Puak atau kumpulan yang mendapatkan manfaat dari pendedahan itu akan berterima kasih dan memuji penulis. Sebaliknya puak yang menanggung kerugian dan mendapat kehinaan (*damage*) akan memaki hamun dan